

**Pelajar Malaysia Perlu Perkasa Jati Diri - Raja Muda Perlis
Bernama
22 September, 2012
Daripada Adnan Jahaya**

FRANKFURT (Jerman), 22 Sept (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menasihatkan para pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di luar negara agar sentiasa memperkasa jati diri di samping memupuk budaya inovasi dan kreativiti.

Menurut baginda, pelajar itu bukan saja menjadi harapan keluarga untuk mereka berjaya tetapi juga harapan negara untuk mereka menjadi pewaris kepimpinan dalam pelbagai bidang dan kerjaya.

Bertitah kepada empat pelajar Perlis yang kini mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan di beberapa buah universiti di Jerman, baginda berharap mereka akan menjadi duta kecil negara di samping mencipta kecemerlangan akademik.

Pada majlis ringkas yang berlangsung sempena pelancaran promosi masakan Perlis di Jade Restaurant milik seorang rakyat Malaysia di sini semalam, Tuanku Syed Faizuddin menyampaikan sumbangan kewangan kepada pelajar berkenaan.

Zubair Zulkifli, Noshasyati Hashim, dan Mohd Kamil Aliff Abd Razak kesemuanya berasal dari Arau menerima sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) sementara Lim Yi Fei dari Bintong menerima sumbangan YTSP.

Pada Khamis lalu, Tuanku Syed Faizuddin yang juga Yang Dipertua MAIPs dan Pengerusi YTSP menerima menghadap dua pelajar Perlis yang sedang menuntut dalam bidang perubatan di Poland dan baginda menyampaikan sumbangan yang sama kepada mereka.

Mereka ialah Nurhafisza Abdul Hamid, pelajar Medical University of Warsaw dan Narshiela Saad, pelajar Medical University of Lodz.

Sementara itu, ketika melancarkan promosi masakan Perlis selama sebulan di Jade Restaurant di sini, baginda berharap keenakan masakan negeri itu mengharumkan nama negara di sini.

Pemilik dan pengusaha restoran, Puan Kim Bee Hoon, 40, yang berasal dari Grik, Perak, telah 20 tahun menjalankan perniagaannya di sini.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama Konsul Jeneral Malaysia ke Frankfurt, En John K. Samuel dan Konsul Pendidikan dan Latihan Malaysia, Mohd Khairul Nizam Jamalus serta Presiden Kelab Malaysia Jerman Rosita Rahman Heilek.

Raja Muda dan Raja Puan Muda Perlis singgah di Frankfurt selepas mengakhiri lawatan kerja ke Ukraine dan Poland sejak Ahad lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696561>